

16/01/2004

Umat Islam dinasihat seimbang ilmu sains, agama

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam supaya mendalami ilmu sains dan agama dengan seimbang supaya dapat menerajui dunia yang lebih jujur, bermoral, kaya dan berpengetahuan tinggi.

Bekas Perdana Menteri berkata, umat Islam yang mengehadikan kajian terhadap Islam semata-mata tidak mungkin dapat menghayati kebesaran Allah dan agama itu dengan sepenuhnya.

Pada masa sama, jelas Dr Mahathir, golongan yang cuma memberi tumpuan terhadap bidang sains akan menjadi terlalu angkuh untuk menghargai makna dan keperluan memiliki kepercayaan agama, selain enggan mengakui kelemahan manusia biasa.

"Orang Islam yang warak mesti mempelajari sains dengan mencukupi, manakala saintis Islam pula harus memahami asas sebenar agama itu bagi melindungi diri dan dunia daripada golongan yang cuma berilmu dalam bidang tertentu atau separa jahil.

"Sains tidak sepatutnya menggugat keimanan atau kepercayaan kita, sebaliknya mengukuhkan keyakinan kepada Allah kerana ia menjadikan kita lebih kerdil dan menghargai kebesaran Allah.

"Orang Islam hanya perlu berasa takut dengan sains dan kemewahan jika ia membuatkan kita kehilangan kepercayaan terhadap Allah.

"Bagaimanapun, keruntuhan kemakmuran dan moral di kalangan bangsa Eropah bukan berpunca daripada sains atau kekayaan harta benda, sebaliknya disebabkan dangkalnya kefahaman terhadap agama mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada majlis konvokesyen khas di sini, semalam.

Ia adalah ijazah kehormat tertinggi UIAM yang diberi buat julung kalinya sebagai menghargai dan mengiktiraf sumbangan Dr Mahathir dalam bidang penulisan merangkumi esei, pandangan, sajak, buku serta ucapan dari 1945 hingga Oktober 2003.

Pada majlis itu, isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Bidang Kemasyarakatan) atas keprihatinannya terhadap bidang kemasyarakatan, terutama isu membabitkan kesihatan wanita dan kanak-kanak serta kebajikan.

Kedua-duanya menerima anugerah itu daripada Ketua Perlembagaan UIAM yang juga Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah. Hadir sama Sultanah Pahang; Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid dan Rektor UIAM, Prof Mohd Kamal Hassan.

Dr Mahathir berkata, kajiannya dalam bidang agama dan sains mendapati kedua-dua aspek itu mempunyai kaitan rapat.

"Sains mampu meningkatkan kepercayaan kita (terhadap Islam) kerana ia membuktikan kuasa Allah adalah lebih besar daripada apa yang dapat kita gambarkan.

"Sains tidak boleh menggantikan keimanan kerana pencapaian dalam bidang sains adalah terhad kepada apa yang diizinkan Allah dan sains tidak mungkin dapat menjawab semua persoalan," katanya.

Sambil meminta umat Islam tidak membiarkan keperibadian atau agama mereka diburukkan, Dr Mahathir turut mengingatkan supaya ajaran yang menyimpang daripada asas Islam ditolak.

Ajaran sedemikian, tegasnya, hanya melemahkan umat Islam dan menyekat mereka daripada menghargai nikmat Allah, selain akan menyebabkan Islam terus ditindas serta dihina.

Sementara itu, malam tadi, UIAM menerima Sijil ISO daripada Sirim Berhad sebagai pengiktirafan universiti itu dalam bidang pendidikan.

Sijil disampaikan Presiden Sirim Berhad, Datuk Dr Mohd Ariffin Aton kepada Rektor UIAM, M Kamal Hassan yang disaksikan Tun Dr Mahathir pada majlis makan malam di Hotel Shangri-La di sini.

Majlis makan malam istimewa itu diadakan UIAM untuk menghargai penganugerahan Doktor Persuratan yang diterima Dr Mahathir manakala Siti Hasmah bagi Doktor Falsafah Dalam Kerja Sosial.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan hadiah kepada Juara Pidato peringkat dunia, Irma Junian. Pelajar tahun tiga pengajian undang-undang UIAM itu memenangi pertandingan berkenaan baru-baru ini.